



TURUN PADANG: Najib bertanya khabar kepada warga emas Halimah Mat Said, 78, di pusat pemindahan banjir di Dewan Serbaguna Taman Kota Jaya di Kota Tinggi ketika melawat mangsa banjir di beberapa daerah di Johor Bahru, semalam.

Bekalan makanan mencukupi: Najib

16 helikopter diguna dalam operasi banjir di Johor

Oleh Khirul Bahri Basaruddin,
Mohd Zin Ali, Johan Afandi, Junita
Mat Rasid dan Mohd Roji Abdullah

KLUANG: Kerajaan Pusat memberi jaminan semua barang keperluan terutama makanan untuk lebih 50,000 mangsa banjir yang berada di 277 pusat pemindahan di seluruh Johor, mencukupi.

Datuk Seri Najib Razak, berkata kerajaan akan menghulurkan semua jenis bantuan seperti makanan dan aset Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk membantu mangsa banjir.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan juga sedia mengkaji sebarang permohonan Kerajaan Johor mendapatkan peruntukan tambahan untuk disalurkan kepada mangsa banjir.

“Jika bantuan tidak mencukupi, kita akan menghantar bantuan tambahan. Setakat ini, semua agensi terbabit dalam urusan penempatan mangsa banjir dibenarkan untuk mengambil makanan serta barang keperluan dari kedai atau pasar raya dan kita akan membayarnya,” katanya selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Ping Ming di sini.

Najib, yang juga Menteri Pertahanan berkata, 80 bot milik ATM disediakan untuk kegunaan di Johor sama ada untuk mengangkut bekalan makanan atau memindah mangsa banjir dan jumlah itu ditambah jika diperlukan.

Katanya, sebanyak 16 helikopter ATM, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Polis Diraja

Malaysia (PDRM) turut digunakan dalam operasi banjir di Johor.

“Bekalan bantuan juga akan diperoleh dari negeri yang pada ketika ini tidak terjejas dengan banjir,” katanya.

Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara, sebelum itu meninjau keadaan banjir di Johor selama empat jam menggunakan helikopter.

Beliau, diiringi Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, Panglima Tentera Darat Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal dan pegawai kanan kerajaan pusat dan negeri.

Katanya, beliau mendapat gambaran lebih jelas mengenai banjir di Johor menerusi tinjauan dari udara.

“Jika bantuan tidak mencukupi, kita akan menghantar bantuan tambahan. Setakat ini, semua agensi terbabit mengambil makanan serta barang keperluan dari kedai atau pasar raya dan kita membayarnya”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

“Punca banjir ini adalah disebabkan hujan lebat selama tiga hari bermula Selasa lalu, dan taburan hujan pada hari pertama itu melebihi sekali ganda apa yang Johor terima untuk dua bulan.

“Bagaimanapun, jentera banjir pada peringkat negeri yang diketuai Menteri Besar Johor sudah menyelaraskan semua bentuk bantuan yang diperlukan mangsa banjir dan saya berpuas hati dengan kelicinan semua bentuk sumbangan,” katanya.

Mengenai banjir di negeri lain, Najib berkata, ia lebih kecil berbanding apa yang berlaku di Johor.

Dalam tinjauan itu, Najib melawat empat pusat pemindahan banjir di Taman Kota Jaya, Kota Tinggi; Sekolah Kebangsaan Batu Anam, Segamat; Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJ-KC) Ping Ming serta Dewan Raya Kampung Melayu Kluang.

Beliau turut menyerahkan sumbangan berbentuk makanan kepada semua mangsa.

Najib berkata, semua barang keperluan dan makanan di pusat pemindahan banjir mencukupi, walaupun ada pusat pemindahan yang kekurangan bekalan makanan tetapi diambil dari pusat lain.

Mengulas keadaan di Segamat, Najib berkata, banjir di daerah berkenaan amat teruk dan ia ditambah ketiadaan bekalan air bersih apabila lima loji Syarikat Air Johor (SAJ) terpaksa ditutup.

Katanya, Tenaga Nasional Berhad (TNB) sudah diarah memulihkan semua bekalan elektrik di loji air terbabit atau menghantar jana kuasa.